



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI
ABANG JULAI
DATUK BANDAR KUCHING UTARA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *GREENING OUR SCHOOL*
SEKOLAH KEBANGSAAN GREEN ROAD, JALAN GREEN, KUCHING
25 JULAI 2015**

Terima kasih saudara/saudari Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.....

Yang Berusaha Puan Hajah Kartina Zamhari
Pemangku Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara

Yang Berusaha Encik Awang Kassim Bin Awang Hosain
Guru Besar Sekolah Kerajaan Green Road

Wakil dari Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, Go Green Society dan
Normah Medical Specialist Centre

Para Guru dan Para Pelajar

Rakan Media serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.....

Alhamdulillah, pertama sekali, saya ingin merafakkan rasa syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada pagi yang ceria ini di Majlis Perasmian Program *Greening Our School* di Sekolah Kebangsaan (SK) Green Road, Jalan Green, Kuching.

Seperti yang kita semua sedia maklum, pada pagi ini kita akan mengadakan Program *Greening Our School* dan ia merupakan program kali yang ketiga diadakan dalam tahun ini. Sebelum ini, dua program yang serupa pada hari ini telah diadakan di Chung Hua Primary School No.1, Jalan Tabuan, Kuching dan juga Chung Hua Middle School No.4.

Saya percaya penyertaan dan komitmen daripada tuan-tuan dan puan-puan serta pelajar sekalian untuk hadir pada pagi ini telah menunjukkan bahawa anda semua amat prihatin tentang usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta isu pemanasan global.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebagai usaha untuk meneruskan dan melebarkan lagi pelaksanaan Program *Greening Our School* ini, ia diteruskan lagi di sini iaitu di SK Green Road. Apa yang pasti, pelaksanaan program sebegini pasti akan mendatangkan faedah dan kesan jangka masa panjang yang baik untuk generasi kita masa akan datang. Ingin saya nyatakan di sini bahawa saya juga berasa amat gembira kerana pada masa sekarang sudah terdapat ramai warga Bandaraya Kuching yang telah menunjukkan rasa prihatin dan komitmen mereka ke arah perlindungan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok serta aktiviti memelihara dan juga memulihara alam sekitar.

Saya berpendapat juga bahawa adalah amat penting untuk kita semua agar tidak hanya mengambil minat yang mendalam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar sahaja, tetapi juga mengambil tindakan yang terbaik dengan menanam pokok yang baru dan juga dengan kepekaan terhadap pengurusan sisa pepejal. Dengan cara ini, kita akan membuat isyarat penting kepada negara dan dunia dalam menunjukkan kebimbangan kita terhadap global dan pada masa yang sama membuat kita sendiri prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang kita tahu, terdapat banyak manfaat menanam pokok. Dalam kajian makmal, pendedahan visual kepada tatapan dengan pokok-pokok telah menghasilkan pemulihan daripada tekanan yang ketara dalam jangkamasa lima minit seperti perubahan dalam tekanan darah dan ketegangan otot.

Selain daripada itu, manfaat yang lain dengan menanam pokok adalah dari segi faktor keselamatan yang mana kehadiran pokok-pokok di tepi jalan mampu untuk melambatkan pergerakan trafik. Seperti yang telah dilaporkan, "Pokok tinggi memberikan persepsi membuat jalan terasa sempit. Pokok yang rapat pula memberikan persepsi kelajuan. Jalan tanpa pokok pula meningkatkan persepsi jalan yang luas dan bebas daripada bahaya dan dengan itu dapat meningkatkan kelajuan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pokok adalah aset penting yang memerlukan penjagaan dan penyelenggaraan yang sama seperti harta benda awam yang lain. Mereka bekerja 24 jam setiap hari agar kita dapat menikmati kualiti alam sekitar yang lebih baik.

Oleh itu, usaha untuk menanam pokok adalah sangat penting untuk memastikan persekitaran kita dikelilingi oleh persekitaran hijau selama-lamanya. Dengan adanya penanaman pokok, secara tidak langsung, kita dapat membantu mengekalkan dan memulihara alam sekitar. Walaupun usaha-usaha yang kita lakukan pada hari ini adalah sesuatu yang amat kecil tetapi pada masa akan datang ia akan memberi kesan dan impak yang sangat besar kepada ekosistem dunia.

Untuk program pada hari ini, kita akan menanam 505 batang anak pokok yang terdiri daripada pelbagai spesies seperti *Geometry Tree*, *Belian Tree*, *Golden Penda*, *Sammar Minyak* dan Pokok Kelat. Diharap dengan adanya penanaman anak-anak pokok tersebut ianya akan membuat persekitaran dan lanskap SK Green Road lebih hijau dan lebih cantik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Selain daripada menanam pokok saya juga telah difahamkan bahawa program kita pada pagi ini juga tertumpu kepada usaha-usaha untuk mendidik dan menerapkan pengetahuan dan amalan-amalan pengasingan sisa dan kitar semula di kalangan para pelajar sekolah bermula dari titik penjanaian iaitu di dalam bilik darjah, selaras dengan susasana pembelajaran harian di dalam kelas. Program ini merupakan satu kolaborasi di antara pihak sekolah SK Green Road dengan Triekens (Sarawak) Sdn. Bhd. Kerjasama erat sebegini amat dialu-alukan kerana perkongsian idea, kepakaran dan tenaga dapat dilakukan demi faedah bersama termasuklah untuk para pelajar.

Sebelum ini, kebanyakan daripada masyarakat cenderung berfikir 'pakai-buang'. Namun, hari ini, persepsi sedemikian kian berubah kerana masyarakat kian sedar bahawa tidak semua sisa itu perlu dibazir atau dibuang, tetapi ia masih boleh diguna semula dan dikitar semula. Kebersihan juga kian dipentingkan bagi mengelak penyebaran penyakit bawaan vektor yang telah mempengaruhi kesihatan. Masyarakat juga kian peka bahawa sumber-sumber alam kita mesti dijaga, dipelihara dan diurus secara baik supaya kewujudannya akan berterusan sepanjang zaman dan masih dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Menurut statistik, 70 peratus daripada sisa yang dibuang masih boleh digunakan. Kadar kitar semula di negara kita masih di tahap yang rendah iaitu 5 peratus setahun jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kerajaan telah mensasarkan untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 22 peratus menjelang tahun 2020.

Dengan meningkatnya jumlah penduduk, beserta dengan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi, teknologi dan kepenggunaan, jumlah sisa juga kian meningkat. Untuk menangani perkembangan ini, pihak kerajaan telah mewujudkan rangkaian sistem dan infrastruktur pengurusan sisa yang moden,

teratur, bersih dan menekankan kesejahteraan masyarakat setempat serta memelihara kelestarian alam sekitar.

Walaupun bagaimanapun, masih banyak yang perlu kita lakukan sebagai warga Bandaraya Kuching untuk mencapai tahap kebersihan yang memuaskan termasuk mencapai kadar kitar semula yang lebih tinggi daripada apa yang kita sudah lakukan pada hari ini. Untuk sampai ke tahap itu, kita harus merubah minda dan tabiat harian kita. Amalan mengitar semula dan menjaga kebersihan kawasan kediaman kita hendaklah bermula dari kita sendiri, sebagai orang dewasa dan justeru itu, mendidik dan memupuk anak-anak kita untuk melakukan perkara yang sama di rumah dan sekolah.

Oleh itu, usaha pendidikan seperti program pengasingan sisa di SK Green Road ini amatlah digalakkan kerana ia memperlengkapkan generasi-generasi muda dengan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran mengurus sisa dan memelihara sumber alam secara lestari. Secara tidak langsung, sekolah juga akan mendapat faedah dengan kewujudan persekitaran pembelajaran yang bersih dan sihat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman, SK Green Road merupakan sekolah pertama di bawah bidang kuasa DBKU yang melaksanakan program yang diperkenalkan oleh sektor swasta iaitu Trienekens. Tahniah diucapkan kepada pihak pengurusan sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan juga pihak Trienekens di atas usaha-usaha mereka merancang, memperkenalkan dan melaksanakan program ini di peringkat sekolah.

Tahniah juga diucapkan kepada semua pelajar di atas kesungguhan dan usaha-usaha anda. Tindakan dan sumbangan danda walaupun kecil, ia tetap dihargai dan harus dicontohi. Tanpa kita sedari, tindakan-tindakan positif anda semua akan membawa perubahan yang besar kepada bumi dan alam sekitar kita. Teruskan usaha dan amalan murni anda, bukan sahaja di kawasan sekolah, tetapi juga di rumah dan di kawasan luar.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada pihak sekolah agar memanjangkan program kesedaran dan pemeliharaan alam sekitar ini agar meliputi aspek-aspek lain seperti penjimatan penggunaan tenaga dan air. Sekolah ini juga selanjutnya boleh memulakan projek-projek berasaskan idea-idea teknologi hijau. Saya pasti akan program-program seumpama ini akan melahirkan generasi baru yang kreatif, inovatif dan peka kepada alam sekitar dan penggunaan alam yang baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir sekali, sebelum mengundur diri saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Guru Besar SK Green Road serta semua orang hadir di sini pada hari ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada anda semua kerana menyokong Program *Greening Our School* dan juga Pelan Penambahbaikan Bandaraya Kuching 2013-2017 (Cantik, Bersih dan Selamat). Sumbangan, komitmen, sokongan serta penglibatan anda semua amatlah kami hargai.

Sekian.....

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....